



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 12 OKTOBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	AGROFOOD SECTOR GOALS OFFER MUCH FOOD FOR THOUGHT, NATION/NEWS, NST -7 SEKTOR AGROMAKANAN DIJANGKA BERKEMBANG 4.5 PERATUS SETAHUN, NASIONAL, BH -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	SPESES KERANG DI PERAIRAN SUNGAI GETING DICEMARI TOKSIN, NEGERI KELANTAN, SH -22 KERANG DICEMARI SAXITOXIN, LOKAL, HM -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	PERALIHAN MONSUN, MADA RANGKA PELAN TINDAKAN, UTARA, HAKAKAH -17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	GROWING NON-NATIVE SUPERFOODS IN TROPICAL MALAYSIA, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10 INTERVENE IN PRICE OF AGRICULTURAL CHEMICALS, GOVT URGED, HOME, BORNEO POST (KK) -5 DAHULU MAMPU RAIH RM300, KINI NK DAPAT RM100 PUN SUSAH', NEGARA, KOSMO -18 BANGKAI GAJAH PYGMY BETINA DITEMUI DI SUKAU, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -19 DERITA BANJIR NAJIS BABI PARAS PEHA, NEGARA, KOSMO -18 LADA HITAM BAWA RM320 JUTA NILAI PELABURAN DI TERENGGANU, FIKRAH, HAKAKAH -F6 KEDA AGIH PROJEK EKONOMI RM6.5 JUTA, NASIONAL, BH -14 USAHAWAN YAKIN PENGELUARAN DAPAT DIPERTINGKAT, NASIONAL, BH -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Agrofood sector goals offer much food for thought

**PUTRAJAYA:** The Agriculture and Food Industry Ministry welcomes the emphasis on food security, as shown in the 12th Malaysia Plan (12MP), to increase the capacity of the agrofood sector as a sustainable, resilient and high-tech sector that can drive economic growth and improve people's wellbeing.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said food security assurance was a priority of the ministry for the next five years to improve national food security and had been aligned with the ministry's key policy documents: National Agrofood Policy 2021-2030 (NAP 2.0) and National Food Security Policy Action Plan (DSMN) 2021-2025.

Ronald said the agriculture sector was projected to grow by 3.8 per cent per annum during the 12MP period and contribute seven per cent to the gross domestic product (GDP) in 2025.

In this regard, the agrofood sector growth target is expected at 4.5 per cent per annum during the 12MP, placing this sector among the major contributors to the GDP.

During the 12MP, the agriculture sector will be intensified using smart technologies to increase productivity and strengthen national food security across all agrofood sub-sectors.

These initiatives include adopting high-tech agricultural methods, in-

cluding big data analysis, artificial intelligence, Internet of Things and precision equipment, such as drones, robotics and sensors at the Permanent Food Production Park.

In addition, vertical and indoor smart farming methods will be expanded by leveraging land and derelict buildings.

Farmers will be encouraged to adopt organic farming practices to meet the growing demand for organic products.

In the fisheries sub-sector, cooperatives and associations will be encouraged to venture into deep sea and offshore fisheries using modern vessels and innovative equipment to increase yields and competitiveness, as well as promoting a sustainable fishing industry.

The livestock sector will be given focus to increase local meat production through good husbandry and modern farming practices.

"To encourage the modernisation of the agricultural sector, new financing mechanisms and incentive structures will be introduced to accelerate the development of high-potential industries, especially for

the adoption of technology related to the 4IR (Fourth Industrial Revolution).


"A smart agriculture fund will be created to accelerate the adoption of technology in the agricultural sector. The fund will provide opportunities for farmers, especially young agropreneurs, to modernise agricultural activities in the value chain to ensure food security," added Ronald.

The initiative will attract investment, create more jobs, produce more high value-added products and address food security and dependence on low-skilled foreign labour.

Farmers, cooperatives, associations as well as middle and downstream industries will be encouraged to use e-commerce platforms to boost the marketing of agricultural products.

"This will reduce our reliance on middlemen. The platform will open up opportunities for the outsourcing of plantation machinery and equipment services to fully use resources and achieve cost efficiency."

Workforce skills for youth will be boosted through curriculum revi-



The use of new technologies will be intensified to boost the agrofood sector. PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

sions and training modules to create a competent workforce to meet current and future needs. To recognise trained and experienced farmers, a professional body will be established.

The ministry will continue to intensify the adoption of new technologies to boost this sector and accelerate the transformation of the agriculture sector into a modern, dynamic and competitive sector supported by research and development as outlined in the plan.

In addition, strategies and initiatives under NAP 2.0 and the DSMN will continue to be implemented to achieve food security level targets and comply with international food safety standards.

The ministry is committed to implementing all strategies outlined under the 12MP to achieve the targets set in reshaping the country's future in line with the goals of prosperity, inclusivity and sustainability in the Shared Prosperity Vision 2030.

# Sektor agromakanan dijangka berkembang 4.5 peratus setahun

## Unjuran dalam tempoh RMK-12, jadi penyumbang utama KDNK negara

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sektor agromakanan dijangka berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), sekali gus bakal meletakkan sektor terbabit antara penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata sektor pertanian dijangka berkembang 3.8 peratus setahun dalam tempoh RMK-12 serta menyumbang tujuh peratus kepada KDNK menjelang 2025.

"Dalam tempoh pelaksanaan RMK-12, sektor pertanian akan menggiatkan penggunaan teknologi pintar bagi meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan tahap sekuriti makanan negara merentas subsektor agromakanan.

"Inisiatif itu juga, termasuk menerima pakai kaedah pertanian berteknologi tinggi merangkumi analisis data raya (BDA), kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) serta peralatan tepat seperti dron, robotik dan sensor di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)," katanya dalam satu kenyataan.

Di samping itu, beliau berkata, kaedah pertanian pintar secara megakad dan tertutup akan diperluas dengan memanfaatkan tanah sedia ada dan bangunan terbiar.

"Melangkah ke hadapan, petani akan digalakkan untuk menerima pakai amalan pertanian organik untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap produk organik dan menjana pendapatan yang lebih tinggi.

"Dalam sub sektor perikanan tangkapan, koperasi dan persatuan akan digalakkan untuk menceburi aktiviti perikanan laut dalam serta laut lepas dengan menggunakan kapal moden dan peralatan inovatif untuk meningkatkan hasil, di samping daya saing dan menggalakkan industri perikanan yang mampan," katanya.

Dalam pada itu katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyambuti baik penekanan aspek sekuriti makanan diberikan keutamaan dalam RMK12, yang diluluskan

tanpa pindaan di Dewan Rakyat pada 7 Oktober lalu.

"Ia bagi meningkatkan keupayaan sektor agromakanan sebagai sektor mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mengutamakan sekuriti makanan negara," katanya.

Katanya, elemen jaminan sekuriti makanan adalah keutamaan kementerian untuk tempoh lima-tahun akan datang dalam usaha meningkatkan ketersediaan makanan negara dan sudah diwajibkan dalam dokumen dasar utama Kementerian iaitu Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) serta Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021 hingga 2025.

Ronald berkata, sub sektor ternakan turut akan diberi fokus dengan matlamat meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan keselamatan makanan melalui amalan penternakan baik serta moden.

"Usaha itu bagi menggalakkan pemodenan dalam sektor pertanian, mekanisme pembiayaan dan struktur insentif baharu akan diperkenalkan untuk mempercepat pembangunan industri berpotensi tinggi, terutama bagi menerima guna teknologi Dasar Revolusi Perindustri Keempat (IR4.0)," katanya.

Sementara itu katanya, dana pertanian pintar yang khusus akan diwujudkan untuk mempercepat penerimgunaan teknologi moden dalam sektor pertanian.

"Dana ini akan menyediakan peluang kepada petani, terutama 'agropreneur' muda untuk memodenkan aktiviti pertanian di sepanjang rantai nilai bagi memastikan sekuriti makanan.

"Inisiatif ini turut menarik pelaburan berkualiti, mewujudkan



Penggunaan peralatan teknologi seperti dron inisiatif untuk pertingkatkan lagi hasil pertanian.

(Foto hiasan)

lebih banyak peluang pekerjaan dan menghasilkan lebih banyak produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi," katanya.

Pada masa sama, ia juga akan menangani isu sekuriti makanan dan kebergantungan kepada tenaga kerja asing yang berkemahiran rendah.

Selain itu katanya, petani, koperasi, persatuan serta industri pertengahan dan hiliran akan turut digalakkan untuk memanfaatkan platform e-dagang bagi meningkatkan pemasaran hasil pertanian supaya dapat mengurangkan kebergantungan yang berlebihan kepada orang tengah.

"Platform ini juga membuka peluang pada penyumbangan luar (*outsourcing*) perkhidmatan jentera dan peralatan perladangan bagi memanfaatkan sepenuhnya sumber dan mencapai kecekapan kos.

"Kemahiran tenaga kerja akan mempertingkatkan pembabit golongan belia melalui semakan semula kurikulum dan modul latihan untuk mewujudkan tenaga

kerja yang kompeten bagi memenuhi keperluan semasa serta masa hadapan. Bagi mengiktiraf petani yang terlatih dan berpengalaman, sebuah badan profesional bakal ditubuhkan," katanya.

Katanya, MAFI juga akan terus merencanakan usaha penerimgunaan teknologi moden dan baharu dalam sektor pertanian bagi meingkatkan pertumbuhan sekali gus mempercepat transformasi kepada sektor moden, dinamik serta berdaya saing. Ini disokong oleh pembangunan dan penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) yang lebih meluas seperti digariskan da-

lam RMK12.

"Di samping itu, strategi dan inisiatif di bawah DAN 2.0 dan DSMN juga akan terus dilaksanakan bagi mencapai sasaran tahap sekuriti makanan dan mematuhi standard keselamatan makanan antarabangsa.

"MAFI komited melaksanakan semua strategi digariskan di bawah RMK12 bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dalam mencorak semula masa hadapan negara selaras matlamat kemakmuran, inklusiviti dan kemandirian dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030," katanya.



Ronald Kiang



Sektor ternakan turut diberi fokus dengan matlamat meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan keselamatan makanan melalui amalan penternakan baik serta moden.

(Foto hiasan)



Sektor pertanian dijangka berkembang 3.8 peratus setahun dalam tempoh RMK-12.

(Foto hiasan)



Penggunaan kapal moden dan peralatan inovatif meningkatkan hasil, dan menggalakkan industri perikanan yang mampan.

(Foto hiasan)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	22

## Spesies kerang di perairan Sungai Geting dicemari toksin

**KOTA BHARU** - Orang ramai dilarang memungut, menjual atau memakan spesies kerang-kerangan seperti tiram, lokan, kepah dan lala di perairan Sungai Geting, Tumpat kerana dicemari toksin saraf atau saxitoxin daripada alga berbahaya iaitu *alexandrium minutum*.

Pengarah Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, larangan itu berkuat kuasa serta-merta berikutan keputusan analisis makmal Biosekuriti Perikanan mendapati kerang-kerangan tersebut telah tercemar dengan bahan toksin itu.

“Akibat daripada memakan kerang-kerangan itu boleh menyebabkan keracunan, berbahaya dan memudaratkan kesihatan.

“Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan Pejabat Perikanan Negeri Kelantan di talian **09-7414 770** atau Pejabat Perikanan Daerah Tumpat, **09-7257 995**,” katanya.

Saxitoxin adalah neurotoksin yang kuat dan toksin kerang lumpuh yang paling terkenal.

Pengambilan saxitoxin oleh manusia,



### NOTIS

**KEPADA : PEMUNGUT/ PENIAGA/ PEMBELI/ ORANG AWAM**

**DILARANG MEMUNGUT/ MENJUAL/ MEMAKAN KERANG-KERANGAN (TIRAM, LOKAN, KEPAH, LALA DAN LAIN-LAIN KERANG-KERANGAN) DI KAWASAN PERAIRAN SUNGAI GETING, TUMPAT, KELANTAN BERMULA BULAN OKTOBER 2021 SEHINGGA DIMAKLUMKAN KELAK.**

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA KEPUTUSAN ANALISIS DARIPADA PIHAK MAKMAL BIOSEKURITI PERIKANAN MENDAPATI KERANG-KERANGAN DI KAWASAN TERSEBUT TELAH TERCEMAR DENGAN TOKSIN SARAF (SAXITOXIN) DARIPADA ALGA BERBAHAYA IAITU *ALEXANDRIUM MINUTUM*. AKIBAT DARIPADA MEMAKAN KERANG-KERANGAN TERSEBUT Boleh MENYEBABKAN KERACUNAN, BERBAHAYA SERTA MEMUDARATKAN KESIHATAN MANUSIA.

Sebarang Pertanyaan Lanjut Sila Hubungi:  
Pejabat Perikanan, Negeri Kelantan

**Notis yang dikeluarkan agensi berkenaan pada Isnin.**

biasanya dengan pengambilan kerang-kerangan yang tercemar oleh alga toksik, bertanggungjawab atas penyakit yang dikenali sebagai keracunan kerang lumpuh.

# Kerang dicemari Saxitoxin

Orang ramai dilarang kutip, makan spesies kerang-kerangan dari Sungai Gething untuk elak keracunan

Oleh Siti Robana Idris  
am@hmetro.com.my

## Tumpat

Orang ramai dilarang memungut, menjual mahupun makan spesies kerang-kerangan di Sungai Gething di sini kerana dicemari toksin saraf (Saxitoxin) daripada alga berbahaya Alexandrium Minutum.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Kelantan, Nazri Ishak berkata, larangan itu berkuat kuasa serta-merta berikutan penemuan toksin hasil analisis Makmal Biosekuriti Perikanan.

"Bahan toksin itu ditemui pada spesies kerang-kerangan seperti tiram, lokan, kepah dan lala yang dikutip

sekitar kawasan Sungai Gething.

"Akibat memakan kerang-kerangan yang tercemar boleh menyebabkan keracunan, bahaya dan memudaratkan kesihatan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Nazri berkata, kejadian itu banyak berlaku di kawasan berkenaan dan ia berpunca daripada beberapa faktor termasuk cuaca panas.

Katanya, pihaknya akan menjalankan ujian persampelan setiap minggu dan akan mengeluarkan notis pemberitahuan sekiranya spesies itu sudah selamat untuk dimakan.

"Sebagai langkah kawalan, kita larang pencari atau penutip kerang-kerangan ini

"Toksिन ditemui pada spesies seperti tiram, lokan dan kepah"  
Nazri



mengutip hidupan itu sehingga dipastikan ia selamat untuk dimakan.

"Bagi penjual di tepi jalan sekitar kawasan Sungai Gething, tidak semestinya mereka kutip di sungai itu kerana mungkin dibeli daripada pengutip yang mencari di lokasi lain.

"Saya nasihat pembeli agar bertanya terlebih dahulu kepada penjual dari

mana kerang-kerangan itu diambil bagi mengelakkan memakan spesies yang tercemar," katanya.

Terdahulu, agensi itu mengeluarkan notis pemberitahuan mengenai larangan memungut, menjual dan makan spesies kerang-kerangan di kawasan Sungai Gething.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/10/2021	HARAKAH	UTARA	17

# Peralihan monsun, MADA rangka pelan tindakan

Oleh **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

**ARAU:** Peralihan monsun pada penghujung September lalu secara tidak langsung memberi kesan kepada golongan petani.

Justeru itu perbincangan bersama Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kamaruddin Dahuli di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Ampang Jajar diadakan baru-baru ini.

Adun Guar Sanjir, Ustaz Mohd Ridzuan Hashim berkata, pertemuan itu adalah untuk membincangkan isu banjir yang sering berlaku khususnya di DUN Guar Sanji.

“Memandangkan fasa peralihan monsun telah tiba, rata-rata penduduk khususnya para petani mulai bimbang akan kemungkinan berlakunya kejadian banjir.

“Alhamdulillah, daripada kertas cadangan yang telah dikemukakan, pihak MADA bersetuju untuk

mengambil beberapa tindakan bagi mengatasi masalah ini,” jelas beliau ketika dihubungi.

Katanya lagi, antaranya, meninggikan lagi tebing sungai yang terlibat serta membina ‘flapgate’ ke Sungai Jalan Perlis.

Baru-baru ini hampir 500 hektar sawah mengalami padi rebah kesan daripada peralihan musim dan jika berlaku pula banjir, petani akan bertambah terkesan akibat keadaan ini.

Seperkaranya lagi, masalah banjir yang sering berlaku merupakan isu yang perlu ditangani segera memandangkan hal tersebut menjejaskan sebahagian besar penduduk di kawasan berkenaan, khususnya para petani.

“Dalam pertemuan itu membincangkan isu penyelenggaraan infrastruktur pertanian khususnya di kawasan pengairan MADA yang perlu dilaksanakan kerana turut menjadi punca kepada berlakunya banjir,” jelasnya lagi.



**Ustaz Mohd Ridzuan Hashim membincangkan isu banjir.**

Headline	Growing non-native superfoods in tropical Malaysia		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	12 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	10	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	366 cm <sup>2</sup>
Journalist	Muhammad Basir Roslan	AdValue	RM 4,991
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 14,973



# Growing non-native superfoods in tropical Malaysia

Muhammad Basir Roslan

**KUALA LUMPUR:** Certain green leafy vegetables dubbed as superfoods, that thrive in temperate climate conditions, can also grow lushly in a tropical setting.

Promoting the urban garden concept that makes use of sustainable, environmentally-friendly cultivation techniques, a company called Sustenir Agriculture is successfully cultivating non-native vegetables such as Kinky kale and Toscano kale, on a 7,500-square foot site in Kajang, Selangor.

The person behind this venture is Sustenir Agriculture chief executive officer and co-founder Benjamin Swan who has seen a growing demand for healthy and safe food among Malaysians in the wake of the Covid-19 pandemic, with more consumers now seeking products that are rich in nutrients and can boost immunity and wellness without compromising on flavour.

Swan, who moved to Singapore from Australia about 12 years ago, said he got the idea to establish Sustenir Agriculture after he realised that Southeast Asian nations import 90 per cent of their fresh produce from other countries.

The company started operating its facility in Kajang in April this year and is already producing and selling its Toscano kale and Kinky kale to local customers.

It also has an urban farm project in Singapore where it also cultivates other leafy greens such as lettuce, rocket, ice plant and spinach.

"Our products are harvested daily and directly distributed to our consumers, which retains the freshness of our leafy greens. We are the first zero-mile fresh



Swan's Sustenir Agriculture is successfully cultivating non-native vegetables such as Kinky kale and Toscano kale on a 7,500-square foot site in Kajang, Selangor. — Photo credit Sustenir Agriculture

produce retailer in Malaysia," he said.

## Indoor vertical farming

Swan said Sustenir Agriculture is focused on growing a resilient future by significantly reducing carbon emissions and food waste created by imported perishable products.

It practises indoor vertical farming and cultivates its vegetables using the latest controlled environment agriculture (CEA) technology whereby it can monitor and control every aspect of farming and create an optimal environment for the plants to thrive without exposure to soil, pesticides or any other environmental toxin.

Indoor vertical farming utilises 95 per cent less water than conventional farming while its production is projected to be 178 times more than that of traditional farms.

"The opportunities in this type of farming are endless as we know it. We can grow almost anything indoors that typically would not grow outdoors in tropical weather.

"Our CEA farming environment also enables us to grow pesticide-free and clean crops which meet many of the ISO 22000 food standards," he said. Elaborating on the future of indoor vertical farming in Malaysia, Swan said it is a nascent industry, albeit a thriving one.

"I expect a bigger opportunity

for developments to be made in optimising how indoor vertical farming can be done. Our technology uses a plug-and-play system, which means we can set up a farm in any indoor office space quickly, and start growing a stable food supply.

"This is how technology is driving modern farming businesses like Sustenir Agriculture to stand out in the modern farming industry," he said.

## Job opportunities

Swan also said that other than helping to supply superfood products to local consumers, Sustenir Agriculture also hopes to provide job opportunities in the agriculture technology industry to the local community

in Malaysia.

"About 98 per cent of our team in Malaysia are locals. Most of them have backgrounds in plant science or outdoor farming, and we are grooming them to be the next generation of high-tech indoor farmers," he said, adding that he also plans to expand the farming concept to other states in Malaysia.

Meanwhile, Dr Ahmad Esa Abdul Rahman, a senior lecturer at the Department of Culinary Arts Management and Gastronomy in the Faculty of Hotel and Tourism Management at UTM Puncak Alam, said food producers such as Sustenir Agriculture need to focus on cultivating food products for the larger public because ensuring public access to local produce is more important in the context of food security.

"In this instance, when we talk about food security, the focus must be on foods that are commonly consumed by the locals and which are less costly and accessible," he said.

Ahmad Esa said superfoods may provide additional nutritional benefits but they need to be fairly priced to make sure that Malaysians from all walks of life have access to them.

He added that food producers should focus on farming and promoting local greens that have the potential to be commercialised as superfoods.

"In Malaysia's context, we have plenty of them (vegetables) that can be explored and popularised.

"Companies like Sustenir Agriculture need to work with agencies such as MARDI (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) and local universities to promote local greens with great potential not only for local consumption but for export too," he said. — Bernama

Headline	Intervene in price of agricultural chemicals, govt urged		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	12 Oct 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	119 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 332
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 995



## Intervene in price of agricultural chemicals, govt urged

**KOTA KINABALU:** Government intervention is needed in the prices of herbicides, fertilizers and agricultural chemicals which have risen sharply beyond expectations.

Kuala Penyu Farmers Organization chairman Tan Sri Wences Angang said the government needed to act decisively to address the issue as the prices of agricultural commodities were declining.

Wences urged the government, especially the relevant ministries not to accept all excuses deliberately designed by the manufacturers and suppliers

of the chemicals unless an investigation had been conducted in good faith.

"Farmers and small agricultural entrepreneurs are complaining because the price of the chemicals has now increased between 20 to 40 per cent," he said, adding that the problem was clearly burdening farmers who were now affected by the Covid-19 pandemic in addition to the pressure of a low agricultural yield due to the monsoon season.

The former deputy chief minister claimed that producers and suppliers were now

manipulating the price of the chemicals by taking advantage of the political turmoil in the country which was battling the Covid-19 pandemic.

According to Wences, the soaring prices of herbicides, fertilizers and agricultural chemicals should not happen when the country is currently in the process of economic recovery.

Commenting further on the issue, he expressed his confidence in the Agriculture and Food Industry Ministry and it is concerned about the grievances of small agricultural

entrepreneurs due to the increase in the price of the chemicals at the domestic level.

"I am worried that if the government overlooked the price game in the agricultural industry, it would cause the price of the chemicals to remain at a higher level.

"The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry needs to seriously monitor the increase in agricultural chemicals, especially in Sabah, and not accept the excuses of manufacturers and suppliers who are trying to make double profits," he said.



## 'Dahulu mampu raih RM300, kini nak dapat RM100 pun susah'

Oleh ROSALWANI CHE SOH

**BACHOK** - Seramai 30 nelayan di Pantai Tok Bali di sini, boleh dilbaratkan seperti kais pagi matang pagi, kais petang makan petang apabila mereka sukar untuk turun ke laut ketika ini.

Selain daripada kekurangan hasil tangkapan, pukol yang digunakan mereka juga kebanyakannya mengalami kerosakan sehingga kelengkapan yang diangap seperti senjata nelayan itu sudah tidak dapat digunakan lagi.

Mat Sani Rani, 44, berkata, nelayan bot kecil ketika ini mengalami kesukaran untuk menangkap ikan kerana keadaan kuala yang semakin cetek ketika ini.

Menurutnya, sebelum ini, nelayan-nelayan di kawasan itu mampu memperoleh hasil ikan yang mampu dijual kira-kira RM200 hingga RM300 sehari.

"Sejak kebelakangan ini, hendak dapat RM100 pun susah. Nelayan bot kecil sukar untuk turun ke laut berbanding nelayan bot besar yang menggunakan pukol tunda. Kami tiada pilihan lain dan hanya mampu bekerja sebahal nelayan di sini.

"Jika kawasan kuala cetek ditambah pula dengan keadaan pukol yang sudah uzur, sukar



**ZAWAHIR (Kiri)** menyampaikan sumbangan pukol dan peralatan nelayan kepada Mohd. Khaldir di Sudara Beach Resort, Bachok semalam.

untuk kami mencari rezeki," katanya ketika ditemui selepas Program Kemanusiaan 2021, Bantuan Pukol Untuk Nelayan Peringkat negeri Kelantan di Sudara Beach Resort di sini semalam.

Dalam program itu, seramai 30 nelayan Pantai Tok Bali menerima bantuan set pukol, tong ikan dan jaket keselamatan sumbangan Etiqa dengan kerjasama Islamic Aid Malaysia (IAM) Sementara itu, Presiden IAM, Zawahir Abdullah berkata, pro-

gram itu dijalankan menerusi program Tanggungjawab Zakat Korporat Etiqa dengan menyalurkan sumbangan pelbagai kelengkapan kepada nelayan.

"Pelaksanaan projek ini memberi fokus kepada nelayan yang kurang berkemampuan khususnya dalam kalangan nelayan miskin yang terjejas pendapatan ketika ini.

"Sebahagian bantuan telah disalurkan secara terus kepada mereka secara pandu lalu dengan menggunakan bot," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/10/2021	SINAR HARIAN	WARNA-WARNI KEHIDUPAN	21

## Bangkai gajah pygmy betina ditemui di Sukau

**KINABATANGAN** - Seekor gajah Borneo Pygmy ditemui mati di kawasan Santuari Hidupan Liar Hilir Kinabatangan, berhampiran Sungai Resang Sukau, pada Sabtu lalu.

Gajah betina berusia 25 tahun itu ditemui oleh pihak penyelidik hidupan liar pada jam 8.30 pagi sebelum satu laporan polis dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kinabatangan.

Ketua Polis Daerah Kinabatangan, Superintenden Dzulbaharin Ismail berkata, pihaknya menerima laporan kejadian itu pada hari yang sama iaitu jam 7.11 malam.

Beliau berkata, bertindak atas maklumat diterima, sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah IPD Kinabatangan bersama Jabatan Hidupan Liar (JHL) Kinabatangan, Unit Veterinar Sepilok dan Unit Penyelamat Hidupan Liar Kinabatangan ke lokasi kejadian.

"Lokasi terletak kira-kira 66 kilometer dari Pekan Kinabatangan dan sebaik tiba, siasatan mendapati bangkai

terbabit adalah gajah jenis Borneo Pygmy betina berusia lingkungan 25 tahun.

"Pemeriksaan fizikal mendapati tiada organ gajah yang hilang dan gajah tersebut dipercayai telah mati dalam tempoh tiga hingga empat hari dari tarikh ditemui," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Katanya lagi, hasil bedah siasat yang dijalankan, kematian haiwan itu berpunca daripada keradangan teruk pada bahagian organ dalaman.

"Kematian gajah itu berpunca daripada keradangan teruk pada beberapa organ dalaman seperti usus dan perut sehingga organ tersebut gagal berfungsi.

"Setakat ini, kes disiasat di bawah Seksyen 25(1) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997," katanya.

B a g a i m a n a p u n , Dzulbaharin berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat lanjut berhubung kejadian itu boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Richardes Edward di talian 08-956 1890 atau 014-321 7050 bagi membantu siasatan.



Bangkai gajah Borneo Pygmy betina ditemui di kawasan Santuari Hidupan Liar Hilir Kinabatangan, berhampiran Sungai Resang Sukau, Sukau.

Penduduk bimbang kejadian sama berulang, mahu tindakan segera diambil

# Derita banjir najis babi parass paha



**PENDUDUK** menunjukkan sistem saliran yang tercemar dengan najis babi di Kampung Jawi, Nibong Tebal semalam. - IQBAL HAMIDAN

Oleh SYALMIZI HAMID

**SERBRANG PERAI** - Beberapa penduduk di Kampung Jawi, Nibong Tebal di sini, mendakwa kejadian banjir kilat setinggi paras paha yang melanda perkampungan mereka pada Ogos lalu bercampur najis babi.

Kejadian itu didakwa berlaku selepas kerja naik taraf sebuah ladang ternakan babi yang dipercayai dilakukan tanpa perancangan sistematik sehingga sistem perparitan terjejas.

Seorang penduduk, P. Seeta, 32, berkata, kebiasaannya banjir kilat hanya pada paras buku lali, namun kali ini rumahnya dimumsuki air sehingga satu meter.

"Saya terpaksa buang semua makanan di dapur kerana ada yang terkena banjir najis babi selain mesin basuh rosak.

"Pakaian anak-anak dan sofa juga terpaksa dibuang kerana ia sangat kotor dan dikhuatiri akan menjejaskan kesihatan," katanya kepada pemberita semalam.

Seorang lagi penduduk, R.

Govvintan, 45, mendakwa, kerja naik taraf ladang itu dipercayai telah mengganggu sistem perparitan sedia ada sehingga menyebabkan banjir buruk berlaku.


"Malah, parit sedia ada juga tidak diurus apabila najis babi berwarna hitam tersekat.

"Kami sudah biasa dengan bau busuk, tetapi tak tahan apabila banjir itu melanda dan dikhuatiri akan berulang," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Sahabat Alam Malaysia, Meenaksi Raman berkata, pihaknya difahamkan kira-kira 300 penduduk telah merungut dengan masalah tersebut.

Katanya, penduduk mendakwa, masalah itu telah lama berlaku, namun kurang mendapat perhatian pihak berwajib. Boleh jadi sudah banyak kali dibangkitkan mereka.

"Saliran sedia ada tidak mampu menampung kapasiti air yang banyak ketika hujan lebat kerana kawasan ini juga tidak terurus, dipenuhi semak dan tersumbat dengan sampah," ujarnya.



Dr. Azman melihat pokok-pokok lada hitam yang ditanam pengusaha lada hitam di Terengganu.

## Harakah Fikrah

BIL 2689 | 4-7 RABIULAWAL 1443/11-14 OKTOBER 2021



Dr. Azman rasmi Kabn Tanaman Pintar di Terengganu.

“Bila projek ini berjaya direalisasikan, kita yakin kawasan di Rhu Tapai, Setiu itu akan jadi ‘Pekan Ladang Hitam’. Ini adalah percubaan pertama penanaman lada hitam di tanah jenis ‘BRIS’ (Beach Ridges Interspersed) yang buat di Malaysia.”

# Lada hitam bawa RM320 juta nilai pelaburan di Terengganu

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan PAS Terengganu memaklumkan projek berskala terbesar dalam sektor pertanian negeri yang akan dibuka adalah projek penanaman lada hitam secara komersial bernilai RM320 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanian, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan Terengganu telah meluluskan hampir 600 hektar tanah kepada sebuah syarikat antarabangsa Syarikat Mc Cormick bagi projek tanaman lada hitam.

Katanya, sebuah syarikat bertaraf antarabangsa Mc Cormick sedia melabur sebanyak RM320 juta bagi projek tanaman lada hitam di kawasan Rhu Tapai, Setiu.

“Projek terbesar kita (Terengganu) ialah projek tanaman lada hitam komersial di Rhu Tapai, Setiu. Di mana, ada sebuah syarikat antarabangsa iaitu, Syarikat Mc Cormick berjumlah RM320 juta, yang sedang melalui proses ulur dan penentuan sempadan tanah.

“Kerajaan negeri telah meluluskan sebanyak hampir

600 hektar tanah kepada syarikat Mc Cormick ini untuk dibuat penanaman lada hitam secara komersial. Dalam masa yang sama juga melibatkan pembinaan kilang di situ, yang dijangka mampu memberi peluang pekerjaan kepada 2,000 pekerjaannya.

“Bila projek ini berjaya direalisasikan, kita yakin kawasan di Rhu Tapai, Setiu itu akan jadi ‘Pekan Ladang Hitam’. Ini adalah percubaan pertama penanaman lada hitam di tanah jenis ‘BRIS’ (Beach Ridges Interspersed) yang buat di Malaysia,” ujarnya.

Behau berkata demikian



Dr. Azman umum nilai pelaburan lada hitam bawa RM320 juta ke Terengganu.

kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Peralatan Program Kebun2i 2.0 dan Perasmian Kabn Tanaman Pintar di Pusat Informasi Pertanian Bandar, Batu Buruk, Kuala Terengganu, baru-baru ini.

Menurut Dr Azman, setelah melalui tempoh percubaan melalui kaedah ‘Proof Of Concept’ (POC) dibuktikan lada hitam boleh ditanam di atas tanah jenis ‘Bris’ ini.

“Syarikat Mc Cormick ini (cuba) secara kaedah POC, dalam masa tiga tahun kita hendak tengok boleh atau tidak lada hitam ini ditanam di tanah Bris, dan setelah melalui percubaan itu

dengan keluasan sekitar 20 hektar; telah didapati memang lada hitam boleh ditanam di tanah Bris.

“Setelah mereka (pelabur) berjaya secara POC, sekarang ini mereka hendak komersialkan dan kerajaan negeri telah membantu dengan sebaiknya. Projek ini juga melibatkan menyertakan komuniti setempat.

“Ini bukan setakat kita hendak raihan pelabur tetapi dalam masa yang sama teknologi ‘Transfer’. Ilmu yang dibawa oleh pelabur itu hendaklah dipelajari oleh rakyat kita agar impak dari segi sosial ekonomi pada masyarakat setempat itu kita boleh

optimalkan dengan sebaiknya,” jelas beliau.

Dr Azman menegaskan, inilah projek berskala besar yang dibawa masuk oleh kerajaan Terengganu dengan jumlah pelaburan RM320 juta itu dalam sektor pertanian di negeri ini.

Mengulas lanjut katanya, berdasarkan perancangan awal pada bulan Oktober ini Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara syarikat berkenaan dengan kerajaan negeri akan diadakan, tetapi terpaksa ditangguhkan.

“Kita jangka pada bulan Oktober untuk tandatangan MoU tetapi disebabkan syarikat Mc Cormick ini, pengurus besarnya berada di Amerika Syarikat dan dia hendak datang sendiri untuk tandatangan MoU. Oleh kerana, pandemik Covid-19 ditangguhkan kedatangannya buat sementara

“Mc Cormick merupakan sebuah syarikat antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan telah beroperasi di lebih 20 buah negara dalam sektor tanaman lada hitam,” ujarnya.

Hadir sama mengiringi Dr Azman, Timbalan Pengarah Pertanian Terengganu, Zulkepli Amin Mat Jusoh dan Pengarah Uruseta Penerangan Darul Iman (UPDI), Ustaz Mohd Soud Said.



Dr. Azman, tanaman guna teknologi kaedah 'Jwnt factory' dalam bangunan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/10/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

# KEDA agih Projek Ekonomi RM6.5 juta

1,380 manfaat program bantu penduduk luar bandar

(Oleh Noorazura Abdul Rahman bhnews@bh.com.my)

Sik: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) mengagihkan bantuan peralatan berjumlah RM6.5 juta di bawah Projek Ekonomi KEDA kepada 1,380 peserta, sejak awal tahun ini.

Pengurus Besar KEDA, Kamarudin Abd Akib, berkata bantuan itu disalurkan menerusi lima program yang dilaksanakan bagi membantu meringankan beban masyarakat di luar bandar.

"Program terbahit adalah Program Transformasi Desa dan Pengupayaan Komuniti (PTDPK), Program Pembangunan Semula Kawasan Terbiar (PSKT) dan Program Transformasi Pembangunan Keusahawanan (EDEP).



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



"Dua lagi program adalah Program Pemerikasaan Ekonomi Institusi Luar Bandar (PPEI) dan Projek Pertanian Petani Luar Bandar (PPLB)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan bantuan berkenaan bagi daerah



Kamarudin (tengah) bersama penerima bantuan peralatan Projek Ekonomi KEDA, di Pejabat KEDA Zon 4 di Sik, baru-baru ini. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Sik di pekarangan Pejabat KEDA Zon 4 Sik, di sini, Ahad lalu.

Kamarudin berkata, majlis penyerahan di Sik adalah bagi fasa terakhir bantuan bernilai lebih RM400,000 membabitkan 60 peserta.

Katanya, antara bantuan peralatan yang diagih adalah mesin, peralatan pembuatan, input pertanian, pelabelan, pembungkusan dan latihan.

"Selepas peserta menerima bantuan peralatan ini, kita tidak akan tinggalkan mereka. Kita akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa, termasuk memberi khidmat nasihat.

"Majoriti peserta yang kita bantu akan berjaya meningkatkan pendapatan mereka antara 30 hingga 40 peratus, sekali gus dapat keluar daripada garis kemiskinan.

"Ini selaras dengan konsep Keluarga Malaysia, yang mana kita pastikan keperluan dan kebajikan kumpulan sasaran dibela sewajarnya," katanya.

Bagi perancangan 2022, Kamarudin berkata, pihaknya memohon peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta daripada kerajaan dan menyasarkan seramai 2,000 peserta akan mendapat manfaat.



Kamarudin meninjau bengkel motosikal penerima Projek Ekonomi KEDA.



Kamarudin (tengah) melihat perabot yang dihasilkan penerima bantuan.

## Usahawan yakin pengeluaran dapat dipertingkatkan

Sik: "Saya yakin dapat menyediakan 6,000 biji sushi sehari berbanding 4,000 sushi dengan bantuan peralatan ini. Terima kasih KEDA kerana membantu usahawan di luar bandar seperti saya," kata Nurul Intan Syaifinar Mukhtar, 33.

Penerima bantuan peralatan di bawah Projek Ekonomi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) itu sangat bersyukur kerana terdapat menerima bantuan dapur dan peti ais yang lebih besar bagi menyediakan makanan berkenaan.

Beliau berkata, bantuan itu membolehkannya menyimpan makanan itu dalam kuantiti lebih besar, selain menjimatkan masanya untuk menghasilkan sushi dalam sehari.

Ketika ini, Nurul Intan Syaifinar menghasilkan 4,000 sushi

dan menjualnya pada harga RM1 sebiji menggunakan kenderaan saji (food truck) di pekan Sik.

"Sebelum ini, kami berniaga makanan di majlis tertentu, namun akibat COVID-19 kami terpaksa berniaga di Sik sahaja.

"Di dataran ini, saya jual 700 biji sushi dan 400 biji begedil sehari, manakala lebih 3,000 biji sushi saya jual menerusi lima

orang ejen dari Kulim, Kuala Ketil dan Sungai Petani.

"Saya yakin selepas ini saya akan dapat tambah lebih ramai ejen memandangkan rentas daerah dan negeri juga sudah dibenarkan," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan peralatan berkenaan di Pejabat KEDA Zon 4, di sini.

Seorang lagi penerima, Mu-

hammad Amirul Arif Othman, 24, mendapat bantuan baja, pam air dan paip bagi menguruskan projek tanaman cili, terung dan pisang di kebunnya di Kampung Sungai Semiar, Jeneri, di sini.

Beliau berhasrat untuk meluaskan tanamannya yang diusahakan di kawasan seluas 0.4 hektar sejak tiga tahun lalu.

"Saya anggap ini rezeki saya yang

bakal melangsungkan perkahwinan tidak lama lagi. Saya juga mahu buktikan kepada anak muda lain bahawa pertanian adalah satu bidang yang menguntungkan.

"Setiap bulan saya mendapat pulangan kira-kira RM3,000 hasil menjual tanaman yang saya usahakan," katanya yang juga graduan Kolej Universiti Agrosains Malaysia, Alor Gajah, Melaka.



"Saya yakin selepas ini saya akan dapat tambah lebih ramai ejen memandangkan rentas daerah dan negeri juga sudah dibenarkan"

Nurul Intan Syaifinar Mukhtar, Penerima bantuan

"Saya juga mahu buktikan kepada anak muda lain bahawa pertanian adalah satu bidang yang menguntungkan"

Muhammad Amirul Arif Othman, Penerima bantuan

